



BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

PESANAN AYAH – BUAT IBADAT

Pesan ayah kepada anak-anaknya supaya anak-anak sekalian membuat ibadat kepada Allah, tuhan yang maha berkuasa. Buatlah ibadat dengan bersungguh-sungguh seperti sembahyang, puasa, zakat, haji, qadha sembahyang dan mengganti puasa yang lalu. Ingat:- Perkara yang berat sekali ialah sembahyang kerana kalau kita tinggalkan satu waktu sahaja pun, maka kita akan dikenakan denda di dalam Neraka 6,400 tahun akhirat – fikirkanlah. Kalau kita tinggalkan, cubalah kita kalikan dengan 6,400 tahun bagi satu waktu.

Bertaubatlah kita banyak-banyak di atas segala kesalahan kita kerana kita tetap akan mati – mati kita bukan seperti binatang kerana binatang mati mereka tidak ada pertimbangan ibadaat di akhirat kelak tetapi mati kita hidup semula di akhirat – ada pertimbangan di Padang Mahsyar – hidup dengan badan yang kekal selamanya sampai bila-bila, beribu-ribu tahun, berbillion-billion tahun. Sekalipun kita tidak akan mati.

Hidup di akhirat tidak ada matahari, bulan dan bintang. Kita hidup di dalam gelap dan menderita kesakitan. Keseksaan selamanya. Kecuali orang yang membuat amal ibadat kepada Allah sahaja yang beroleh keselamatan, iaitu orang yang menunaikan seperti sembahyang dan puasa dengan sepenuhnya, bukan dengan sekali-sekala, orang yang membayar zakat, mengerjakan haji jika ada kuasa, buat yang disuruh oleh Allah dan tinggal yang dilarang. Oleh itu janganlah kita joli, membazir wang dengan bersiar-siar buta, nanti kita akan menyesal besar di Akhirat kelak.

Ingat, Syurga itu ialah untuk orang yang membuat ibadat kepada Allah sahaja, mengikut janji Allah manakala orang yang sebaliknya pula akan dimasukkan ke dalam Neraka. Keluarga, kawan dan rakan semuanya tidak boleh bertemu – hanya hidup di dalam keseksaan selamanya kerana kita telah jadi orang yang derhaka kepada Allah.

(2)

Oleh itu ingatlah kita kepada mati dengan sebanyak-banyaknya. Itulah orang yang bijak dan cerdik pandai – orang yang mahu bersenang-lenang dan bersukaria di Akhirat kelak.

Ingatlah – umur kita semakin sehari semakin hampir kepada mati – bila mati, dimanakah tempat yang kita hendak tinggal selamanya, Syurga atau Neraka?

Ingatlah apabila kita mati, pada mulanya kita dimasukkan ke dalam kubur. Kemudian bila datang Kiamat alam ini, kita semua akan pergi ke Padang Mahsyar. Beribu-ribu tahun lamanya kita di sana. Itulah tempat yang ditimbangkan segala amalan kita yang kita lakukan di dunia ini.

Setelah selesai ditimbang, barulah kita dimasukkan ke dalam Syurga atau Neraka. Yang baik (soleh) dimasukkan ke dalam Syurga manakala yang jahat (toleh) dimasukkan ke dalam Neraka. (minta Allah jauhkan kita dari Neraka)

Oleh itu dinasihatkan, carilah ilmu Akhirat sebanyak-banyaknya – jangan belajar di tempat yang sulit – nanti terkena yang sesat. Carilah ilmu agama di masjid, di surau, di sekolah atau sebagainya. Carilah ustaz-ustaz, alim ulama atau para guru yang diakui oleh Jabatan Agama Islam.

Beljarlah bersungguh-sungguh kepada mereka sehingga kita yakin yang kita boleh hidup di dalam ketiadaan Allah. Mudah-mudahan kita di masukkan ke dalam Syurga di Akhirat kelak setelah ditimbangkan di Padang Mahsyar.

Ingatlah di dalam hati sekarang “aku mahu bertaubat dengan membuat ibadat kepada Allah dengan bersungguh-sungguh hati”.

WALLAHUALAM

AMIN AMIN YA RABBAL ‘ALAMIN